



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Dapatkan berita menarik di dalam...

Sidang Redaksi




<i>Penaung</i>	:	<i>Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Azizan bin Abdullah</i>
<i>Penasihat</i>	:	<i>Puan Maznah binti A. Hamid</i>
<i>Pengarang</i>	:	<i>Puan Siti Rozana binti Mat Sanat</i> <i>Encik Mohd Hafiz binti Kasirun</i> <i>Puan Mawar Noor binti Abdullah</i> <i>Encik Idris bin Muhammad</i> <i>Cik Nor Azelea binti Mohd Azahar</i>
<i>Editor</i>	:	<i>Encik Abdul Razak bin Abu</i> <i>Encik Roslan bin Mohd Nor</i>
<i>Percetakan</i>	:	<i>Puan Norme binti Hj Saleh</i>
<i>Rekaletak/Konsep</i>	:	<i>Encik Mohd Danial bin Daud</i> <i>Saudari Norazra binti Rahmat</i> <i>(Pelajar Praktikal Feb - Jun 2015)</i> <i>Saudari Nur Areena Aqilah binti Mohd Sapri</i> <i>(Pelajar Praktikal Ogos - Disember 2015)</i>
<i>Edaran</i>	:	<i>Encik Juharie bin Jemain</i>

TINTA PUSTAKAWAN

PILIHAN PROFESION "PUSTAKAWAN"


Oleh : Siti Rozana binti Mat Sanat



Bidang kerjaya seorang pustakawan tidak popular seperti kerjaya seorang doktor, guru, arkitek, polis dan tentera. Malah sedari kita kecil lagi apabila ditanya tentang apakah cita-citanya kita apabila meningkat dewasa, pastinya apa yang terlintas di fikiran dan di tulis adalah ingin menjadi seorang cikgu dan doktor.

Sinonim dengan menyusun buku dan bertugas di kaunter, itulah persepsi orang ramai terhadap kerjaya sebagai pustakawan. Namun, pasti ramai yang tidak tahu apakah sebenarnya tugas sebagai Pustakawan.

Pustakawan mempunyai peranannya tersendiri dalam membudayakan ilmu di kalangan orang ramai. Menyediakan bahan rujukan yang lengkap di samping menyahut seruan negara agar menjadikan rakyat Malaysia suka kepada membaca adalah satu tugas yang perlu digalas oleh setiap pustakawan.



Bertindak secara cekap, pantas dan tepat dalam memberi maklumat kepada pengguna seperti pelajar haruslah ada dalam diri seorang pustakawan. Pustakawan juga perlu bertindak sebagai fasilitator dan pendorong kepada pengguna dalam mengenal pasti maklumat yang tepat dan relevan.

Selain itu, Pustakawan juga haruslah bijak dalam menghadapi era teknologi maklumat. Pada masa kini, pengguna boleh mendapatkan maklumat dengan mudah melalui jaringan internet seperti pencarian menggunakan google. Disinilah Pustakawan perlu memainkan peranan dalam memberi ilmu pengetahuan tentang lain-lain sumber yang boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih sahih dan tepat.

LIBRARIAN

Selain daripada buku, pangkalan data atas talian, jurnal dan e-book adalah merupakan sumber yang tepat untuk membuat rujukan. Hal ini adalah kerana semua maklumat yang terkandung dalam sumber yang dinyatakan adalah hasil penulisan ahli-ahli akademik.

Disamping itu, ilmu tentang plagiarisme perlu diperjelaskan lagi kepada pengguna atau pelajar. Pustakawan berperanan untuk memberi panduan kepada pengguna agar meletakkan sumber (citation) bahan yang diperolehi apabila merujuk sesuatu maklumat. Oleh itu, tidaklah mereka dikaitkan dengan istilah meniru atau menciplak idea.

Menggalas tugas sebagai pustakawan juga perlu sentiasa proaktif, inovatif dan kreatif dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti. Tambahan pula, masyarakat masa kini begitu terdedah dengan media sosial yang pantas menjadi viral.

Tanamkan amalan "IQRA" dalam kalangan masyarakat, jadikan mereka celik kepada ilmu, bijak menilai dan memilih manakah yang benar.

Tidak kiralah di mana seorang pustakawan itu bertugas, perpustakaan negara, perpustakaan akademik mahupun perpustakaan awam dan desa, kerjaya sebagai pustakawan amat mulia kerana sentiasa menyampaikan dan menyalurkan ilmu yang bermanfaat.

Either write something worth reading or do something worth writing.

-Benjamin Franklin-

Reading is to the mind what exercise is to the body.

-Joseph Addison-